

# Gagal pindah kayu RM16,000

Pemandu lori lapan tan ditahan anggota Unit Penguat Kuasa JPNP

>>Oleh Mohd Rafi Mamat  
am@hmetro.com.my

**K**UANTAN: Unit Penguat Kuasa Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) menggagalkan cubaan memindahkan 13 batang kayu pelbagai spesies tanpa permit bernilai RM16,000 selepas menahan lori lapan tan bersama pemandunya di Kilometer 19.3 Lebuhraya Tun Razak, Muadzam Shah, kelmarin.

Pengarahnya, Datuk Mohd Paiz Kamaruzaman berkata, kejayaan itu hasil intipan anggota penguat kuasa sebelum kenderaan berkenaan ditahan kira-kira jam 10 malam selepas mengekori lebih sejam.

Menurutnya, ketika ditahan lelaki berkenaan yang juga pemilik lori mendakwa dia membawa muatan baja, namun pemeriksaan mendapati terdapat 13 batang kayu pelbagai spesies berukuran antara 4.4 meter hingga 8.6 meter.

"Siasatan mendapati kayu itu dipercayai diambil dari Hutan Simpan Chini yang bersempadan dengan Felda Chini, Pekan. Spesies kayu seperti meranti, jelutong dan kempas itu cuba dihantar ke kilang papan di Segamat, Johor," katanya.



**TUMPAS...**lori yang membawa muatan 13 batang kayu pelbagai spesies bernilai RM16,000 ditahan Unit Penguat Kuasa JPNP.

Mohd Paiz berkata, pemandu lori berkenaan mendakwa dia menerima upah antara RM1,500 hingga RM2,000 setiap kali melakukan aktiviti memindahkan kayu tanpa permit.

Beliau berkata, upah lumayan menarik minat pemilik lori menerima tawaran memindahkan kayu tanpa permit walaupun mereka mengetahui akibat yang bakal diterima sekiranya ditangkap.

Katanya, kini terdapat beberapa individu yang bergiat

aktif melakukan aktiviti memindahkan kayu tanpa permit membabitkan kawasan hutan simpan di Pekan, Raub, Bentong dan Lipis.

"Saya tidak akan bertolak ansur dengan mana-mana pihak yang terbabit aktiviti memindahkan kayu tanpa permit, hukuman berat menanti mereka.

"Kita sudah menyenarai hitam nama beberapa individu yang sering terbabit dengan aktiviti memindahkan kayu tanpa permit di kawasan hu-

tan simpan di negeri ini," katanya.

Menurutnya, bahagian penguat kuasa sentiasa melakukan intipan dan operasi memberkas individu yang terbabit dengan apa juga kesalahan membabitkan hasil hutan.

"Mereka yang mengetahui aktiviti pencerobohan hutan dan sebarang kegiatan memindahkan hasil hutan tanpa permit perlu tampil memberi maklumat kepada pihak jabatan," katanya.